

Keberkesanan Pengajaran Pensyarah Ekonomi

Mohamad Kamil Ariff Khalid^{1*}, Normala Ismail²

^{1,2}*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang Kampus Raub, Raub, Pahang, Malaysia*

kamiljdk@pahang.uitm.edu.my ; nmala391@pahang.uitm.edu.my

Abstrak: Pensyarah memainkan peranan yang penting dalam proses pendidikan, pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan interaksi antara pensyarah dengan pelajar. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan pengajaran pensyarah dalam kursus Ekonomi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang Kampus Raub. Kajian ini mendapati bahawa pengajaran pensyarah yang berkesan dapat dilihat dari aspek personaliti, perlakuan pengajaran, hubungan, dan sikap pensyarah terhadap pelajar. Dapatan kajian turut menunjukkan terdapat lima ciri utama personaliti pensyarah yang menjadi pilihan pelajar iaitu mesra, tegas, prihatin, menepati masa, dan rajin. Hasil Analisis Regresi Berganda pula menunjukkan personaliti seperti mesra dan suka berjenaka merupakan pengangar signifikan bagi pencapaian pelajar. Kajian juga menunjukkan pengetahuan dan pengalaman mengajar adalah faktor dominan yang mempengaruhi gred pelajar. Justeru, pensyarah perlu mempelbagaikan usaha untuk menarik minat pelajar agar pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar dan menyeronokkan.

Kata Kunci: Pengajaran, Pembelajaran, Pencapaian akademik

1. Pengenalan

Pensyarah memainkan peranan yang penting dalam proses pendidikan, pengajaran dan pembelajaran. Pensyarah yang mempunyai sahsiah yang baik boleh melaksanakan dengan berjaya pendidikan yang bersepadu berasaskan Falsafah Pendidikan Negara yang dapat melahirkan rakyat Malaysia berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai keyakinan diri serta memberi sokongan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Menurut McNergney dan Caldwell (2013), pensyarah bertindak sebagai salah seorang pengurus kerana melaksanakan beberapa fungsi pengurusan dalam bilik kuliah bagi melaksanakan kurikulum. Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan interaksi antara pensyarah dengan pelajar. Hasil perhubungan ini akan menentukan sama ada pensyarah boleh mengajar, dan sama ada pelajar bersedia untuk belajar. Oleh itu, keberkesanan pengajaran pensyarah bergantung kepada bagaimana seseorang pensyarah itu dapat menyesuaikan diri dan memahami masalah pembelajaran pelajar. Menurut Robiah Sidin dan Hassan Langgulung (2000) sifat orang yang menjadi pensyarah terbahagi kepada tiga golongan, iaitu:

- i. Pensyarah yang sebenar-benarnya pensyarah dalam erti kata beliau berdedikasi, suka, dan minat pada pekerjaannya.
- ii. Pensyarah yang bukan pensyarah dalam erti kata beliau tidak berminat dengan profesionnya. Beliau menjadi pensyarah secara kebetulan dan menunggu peluang untuk melompat ke pekerjaan lain.
- iii. Pensyarah yang kehilangan arah disebabkan oleh kekecewaan dan masalah peribadi yang tidak dapat diatasi. Kedudukan golongan ini adalah antara (i) dengan (ii). Golongan ini boleh berubah untuk menjadi golongan (i) atau (ii) jika mereka mahu.

Medley (2012) berpendapat kualiti perhubungan antara pensyarah dengan pelajar mempunyai kesan terhadap kesediaan pelajar mengambil bahagian semasa dalam kuliah. Beliau berpendapat bahawa jika hubungan yang positif wujud antara pensyarah dengan pelajar akan membuatkan seseorang pelajar itu berusaha dan bekerjasama dengan pensyarah mereka. Bagi pelajar pula, peranan utama pensyarah adalah mengajar. Kebiasaannya, pelajar memerlukan penerangan yang jelas daripada pensyarah mengenai masalah pembelajaran dan bimbingan ke arah

penyelesaian masalah. McNergney dan Caldwell (2013) berpendapat bahawa kepimpinan pensyarah dalam bilik kuliah mempunyai kesan yang positif terhadap hasil pembelajaran, iaitu dari segi tingkah laku, sikap, dan akademik pelajar. Kajian mereka mendedahkan bahawa terdapat tujuh faktor utama yang mendorong keberkesanan pengajaran seseorang pensyarah, iaitu suasana pembelajaran yang tenteram, ketrampilan pensyarah, masa yang mencukupi, peralatan yang mencukupi, penghargaan yang tinggi, pengesanan kemajuan pelajar, dan penyeliaan pengajaran yang berkesan. Menurut George (2015) pengajaran yang berkesan merupakan pengajaran yang boleh meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar. Pembelajaran yang efektif hanya boleh berlaku dalam suasana yang sihat, bersemangat, dan demokratik. Hasil pembelajaran akan mengubah tingkah laku pelajar akibat daripada penerimaan pengetahuan atau kepercayaan yang baharu.

Selanjutnya, Getzels dan Jackson (2013) dalam kajian mereka mendapati bahawa pensyarah yang efektif adalah pensyarah yang mempunyai beberapa sifat seperti pengetahuan yang mendalam, adil, bertanggungjawab, dinamik, terbuka, tegas, dedikasi, demokratik, dan hubungan interpersonal yang baik. Perkembangan seseorang pelajar itu pula merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Proses pengajaran adalah sesuatu yang kompleks. Pengajaran yang menarik dan berkesan merupakan pengajaran yang boleh menghasilkan pembelajaran pelajar sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat dan negara. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan pengajaran pensyarah dalam kursus Ekonomi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang Kampus Raub. Apakah ciri-ciri yang perlu ada di kalangan mereka yang boleh mempengaruhi keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengetahui sikap dan sahsiah pensyarah dalam Kursus Ekonomi yang mempengaruhi minat pelajar untuk belajar.
- Mengenal pasti ciri-ciri pensyarah dari aspek personaliti yang boleh menarik minat pelajar untuk belajar.
- Mengenal pasti bentuk hubungan antara pensyarah dengan pelajar yang mempengaruhi keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

3. Hipotesis Kajian

Bagi tujuan kajian ini, sebanyak enam hipotesis telah dibentuk, iaitu:

- | | |
|-------------|---|
| Hipotesis 1 | Tiada perbezaan antara jantina, minat, kehadiran, dan pelajar yang mempunyai asas dalam Kursus Ekonomi terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan. |
| Hipotesis 2 | Persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan adalah sama tanpa mengambil kira Kursus Ekonomi yang diambil, kategori, bahagian, dan program pengajian. |
| Hipotesis 3 | Satu set pembolehubah bebas personaliti pensyarah secara signifikan tidak dapat menghuraikan varians dalam persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan. |
| Hipotesis 4 | Satu set pembolehubah bebas ciri-ciri pensyarah dalam pengajaran secara signifikan tidak dapat menghuraikan varians dalam persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan. |
| Hipotesis 5 | Satu set pembolehubah bebas sikap dan sahsiah pensyarah secara signifikan tidak dapat menghuraikan varians dalam persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan. |
| Hipotesis 6 | Satu set pembolehubah bebas hubungan pensyarah dengan pelajar secara signifikan tidak dapat menghuraikan varians dalam persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan. |

4. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan suatu kajian lapangan berdasarkan kajian rentas, yang mana satu atau beberapa pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas dikaji di kalangan pelajar Diploma di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang Kampus Raub. Unit analisis adalah terdiri daripada pelajar yang respons terhadap kajian. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar program pengajian Diploma Perbankan (BM119), Diploma Pentadbiran Awam (AM110), Diploma Pengurusan Perniagaan (BM111), dan Diploma Sains Komputer (CS110) yang telah mengambil kursus Mikroekonomi (ECO162), Makroekonomi (ECO211) dan Ekonomi Asas (ECO120). Persampelan ini meliputi pelajar bahagian tiga (03) hingga bahagian enam (06). Apabila kebenaran diperoleh daripada pihak pengurusan universiti, maka satu prosedur persampelan rawak nisbah berstrata, yang meliputi keempat-empat program pengajian telah digunakan. Sebanyak 300 borang soal selidik telah diedarkan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 289 borang (96.30%) sesuai digunakan untuk analisis selanjutnya dan 11 borang (3.70%) lagi tidak dapat digunakan kerana terdapat beberapa bahagian soalan yang tidak berjawab. Ringkasan struktur soal selidik adalah seperti dalam Jadual 1.

Bahagian	Perkara	Nombor Soalan
A	Latar Belakang Responden	A1 – A12
B	Personaliti Pensyarah	B1 – B14
C	Pensyarah dalam Pengajaran	C1 – C27
D	Hubungan Pensyarah dengan Pelajar	D1 – D5
E	Sikap dan Sahsiah Pensyarah	E1 – E5

Jadual 1 Struktur Soal Selidik

5. Analisis Data

Data dari kajian ini dianalisis menggunakan pakej 'Statistical Package for Social Sciences' (SPSS) Versi 23. Taburan frekuensi dan peratusan data nominal digunakan bagi menggambarkan persampelan. Analisis faktor digunakan untuk mengukur kesahihan data interval. Melalui analisis faktor, pembolehubah tidak lagi dikategorikan sebagai bersandar atau bebas, sebaliknya seluruh hubungan yang saling berkait di kalangan pembolehubah akan dikaji. Analisis ini akan mengurangkan bilangan pembolehubah yang saling berkait kepada beberapa faktor atau dimensi yang munasabah bagi tujuan analisis selanjutnya. Seterusnya, teknik kebolehpercayaan Alpha Cronbach digunakan bagi mengukur kebolehpercayaan faktor-faktor tersebut dan kebolehpercayaannya akan diterima jika nilai Alpha adalah melebihi 0.70 (Hair et al., 2010). Kesemua faktor tersebut kemudiannya dikelompokkan dan dinamakan sebagai pembolehubah baharu. Interkorelasi di kalangan pembolehubah pula diuji menggunakan prosedur Matriks Korelasi Pearson. Bagi menguji Hipotesis 1, ujian-t digunakan bagi melihat sama ada wujud perbezaan jantina, minat pelajar, kehadiran pelajar ke kuliah, dan mempunyai kursus asas dalam Ekonomi terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan. Seterusnya, bagi menguji Hipotesis 2, ujian ANOVA Sehala digunakan bagi melihat sama ada persepsi terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan adalah sama tanpa mengambil kira Kursus Ekonomi yang diambil, kategori, bahagian, dan program pengajian pelajar. Akhirnya, Analisis Regresi Berganda dilakukan bagi menguji Hipotesis 3, 4, 5 dan 6 yang menyatakan personaliti pensyarah, pensyarah dalam pengajaran, sikap dan sahsiah pensyarah, dan hubungan pensyarah dengan pelajar berhubungan secara signifikan dalam persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan.

6. Hasil Analisis

Daripada 289 responden yang diselidiki, 27.34% adalah lelaki, sementara 72.66% adalah perempuan. Dari aspek umur, kategori umur yang paling tinggi ialah antara 20 hingga 23 tahun, iaitu sebanyak 96.50%. Dari segi rekod pencapaian Himpunan Purata Gred Keseluruhan (HPGK) pula, data menunjukkan 7.30% pelajar mendapat HPGK 3.51-4.00, 40.50% pelajar mendapat 3.01-3.50, 40.80% pelajar mendapat 2.51-3.00, 11.10% memperoleh 2.01-2.51 dan baki 0.30% mencapai HPGK kurang dari 2.00. Data menunjukkan bahawa 78% pelajar telah mengambil

kursus ECO162, 76.50% mengambil kursus ECO211 dan 23.90% mengambil kursus ECO120. Mereka terdiri daripada pelajar program pengajian AM110 24.90%, BM119 22.10%, BM111 23.50% dan CS110 29.40%. Dari segi kategori pelajar pula, data menunjukkan bahawa 94.80% adalah pelajar 'fresh' (mengambil kursus Ekonomi kali pertama), 3.10% 'droppers' (tangguh mengambil kursus Ekonomi) dan baki 2.10% adalah pelajar 'repeaters' (mengulang kursus Ekonomi). Daripada 2.10% pelajar repeaters, 1.80% responden didapati mengulang sebanyak satu kali, manakala baki 0.30% responden pula mengulang sebanyak dua kali.

Dari segi gred yang diperoleh untuk kursus ECO162, data menunjukkan 0.70% pelajar memperoleh gred A+, 11.10% gred A, 5.90% gred A-, 20.80% gred B+, 28% gred B, 7.60% gred B-, diikuti dengan 14.50% gred C+, 9.70% gred C dan baki 1.70% pelajar lagi gagal dengan 0.30% memperoleh gred C- dan 1.40% gred D. Dari segi keputusan ECO211 pula, data menunjukkan 0.30% pelajar memperoleh gred A+, 4.20% gred A, 5.90% gred A-, 16.30% gred B+, 18% gred B, 11.80% gred B-, 10% gred C+, 9.30% gred C dan baki 0.60% pelajar lagi gagal dengan masing-masing memperoleh gred C- dan D+. Seterusnya, data keputusan gred ECO120 menunjukkan bahawa 3.80% memperoleh gred A, 4.80% gred B+, 6.90% gred B, 1.70% gred B-, 2.10% gred C+ dan baki 0.70% pula gred C. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar secara purata memperoleh gred B sama ada bagi kursus ECO162, ECO211 dan ECO120.

Responden turut diajukan soalan mengenai sama ada mereka berminat dengan kursus Ekonomi yang diambil. Daripada 289 responden tersebut, 78.20% menyatakan mereka meminati kursus Ekonomi yang diambil berbanding dengan 21.80% responden yang tidak berminat. Seterusnya, seramai 35.60% responden menyatakan bahawa mereka mempunyai asas dalam kursus Ekonomi semasa di peringkat sekolah menengah berbanding dengan 64.40% yang tidak mempunyai asas dalam kursus Ekonomi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 54.30% pelajar pernah ponteng kuliah dalam kursus Ekonomi berbanding dengan 45.70% yang tidak pernah ponteng. Akhir sekali, keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat 14 ciri personaliti pensyarah pilihan pelajar. Ukuran personaliti pensyarah ini ditentukan oleh para pelajar berdasarkan skala Likert yang diberikan, iaitu (1) sebagai amat setuju hingga (5) sebagai amat tidak setuju. Hasil kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Anderson et al. (2014) bahawa terdapat lima ciri utama personaliti pensyarah pilihan majoriti pelajar, iaitu menepati masa (17.60%), tegas (11.40%), prihatin (10.70%), rajin (10.40%), dan mesra (9.70%). Sebaliknya, ciri personaliti pensyarah yang paling tidak digemari oleh pelajar adalah garang. Dapatan ini turut menyokong kajian yang dilakukan oleh Borg dan Shapiro (2016).

Seterusnya, analisis faktor menunjukkan terdapat empat set pembolehubah yang mempengaruhi persepsi pelajar terhadap ciri-ciri pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan, iaitu personaliti pensyarah, pensyarah dalam pengajaran, sikap dan sahsiah pensyarah, dan hubungan pensyarah dengan pelajar. Hasil kajian mendapati keempat-empat set pembolehubah ini telah memenuhi maksud kebolehppercayaan statistik Alpha Cronbach dengan nilai Alpha = 0.93 > 0.7. Selain itu, keputusan Matriks Korelasi Pearson turut menunjukkan terdapat hubungan antara keempat-empat set pembolehubah dengan faktor dalaman masing-masing. Terdapat tiga faktor dalaman yang mempengaruhi personaliti pensyarah, iaitu Prihatin, Peramah, dan Tegas. Ketiga-tiga faktor ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Durden dan Ellis (2015) yang menyatakan bahawa pelajar suka pensyarah yang tegas, tetapi bukan garang. Bagi pensyarah dalam pengajaran pula, terdapat empat faktor dalaman yang mempengaruhi, iaitu Persediaan Pensyarah, Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran, Pengetahuan dan Pengalaman Mengajar, dan Sensitiviti dan Penilaian Pengajaran. Keempat-empat faktor ini menyokong persamaan hasil kajian yang dijalankan oleh Martin (2009) yang menyatakan bahawa pelajar lebih suka akan pensyarah yang berpengetahuan dan berpengalaman luas. Seterusnya, terdapat enam faktor dalaman yang mempengaruhi sikap dan sahsiah pensyarah, iaitu Bersikap Adil, Pujian dan Jawapan, Kesalahan, Bertimbang rasa, Berleter, dan Menyindir Pelajar. Dapatan ini menyokong kajian Buckles dan McMahon (2011) yang menyatakan bahawa pelajar suka sikap pensyarah yang adil, bertimbang rasa dan suka memberi kata-kata pujian bertempat, misalnya memuji jika pelajar memperoleh markah cemerlang, tetapi pelajar tidak gemar jika pensyarah suka berleter dan menyindir. Akhir sekali, kajian mendapati terdapat lima faktor dalaman yang mempengaruhi hubungan pensyarah dengan pelajar, iaitu Mengancam, Dorongan dan Galakan, Menghargai, Persaingan yang Positif, Keyakinan dan Harapan. Hasil kajian ini menyokong Martin (2009) yang berpendapat bahawa pelajar akan hilang semangat mandiri jika pensyarah suka mengancam dengan berdemam dan mengugut mereka.

Keputusan Hipotesis 1 menunjukkan persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan dipengaruhi oleh faktor yang berbeza. Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian Browne et al. (2011) yang menyatakan bahawa persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan bukan ditentukan oleh kehadiran ke kuliah, mempunyai asas dalam kursus Ekonomi, dan program pengajian. Sebaliknya, persepsi

mereka dipengaruhi oleh jantina, kursus Ekonomi yang diambil, kategori, dan bahagian pengajian. Keputusan ujian Post Hoc dalam Hipotesis 2 pula mendapati kursus ECO211, pelajar 'fresh' (mengambil kursus Ekonomi kali pertama) dan pelajar bahagian 03 mempunyai perbezaan yang paling tinggi berbanding dengan kursus ECO162 dan ECO120, pelajar 'droppers' dan 'repeaters', dan pelajar bahagian lain. Keputusan ujian ini menyokong kajian Romer (2013) yang menyatakan bahawa persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah yang berkesan didorong oleh kecenderungan mereka untuk memilih siapa pensyarah yang mengajar.

Selanjutnya, Analisis Regresi Berganda dilaksanakan menggunakan kaedah Enter. Hipotesis 3 menggunakan HPGK sebagai pembolehubah bersandar dan faktor Tegas, Peramah, dan Prihatin sebagai set pembolehubah bebas. Hasil analisis yang diperoleh menyokong kajian yang dijalankan oleh Seigfried dan Fels (2009) yang menyatakan bahawa faktor Peramah (mesra dan suka berjenaka) merupakan penganggar signifikan bagi HPGK. Ini bermakna pelajar dapat menghayati suasana pembelajaran tanpa rasa takut terhadap pensyarah. Hipotesis 4 pula menunjukkan Persediaan, Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran, dan Pengetahuan dan Pengalaman Mengajar mempunyai hubungan signifikan dengan HPGK. Keputusan menunjukkan Pengetahuan dan Pengalaman Mengajar (pensyarah perlu mempelbagai tugas dan aktiviti supaya pembelajaran menyeronokkan, pensyarah hendaklah melibatkan pelajar dengan aktif, pensyarah hendaklah memberi rangsangan kepada pelajar, pensyarah hendaklah selalu memberi galakan, pensyarah hendaklah menggalakkan pelajar bertanya soalan, dan pensyarah mestilah menggunakan alat bantuan mengajar) paling kuat mempengaruhi HPGK. Dapatan analisis ini mempunyai persamaan dengan kajian Tay (2014) bahawa pelajar berasa yakin dengan pensyarah 'senior' yang tinggi ilmu pengetahuan dan banyak pengalaman mengajar. Keputusan bagi Hipotesis 5 menunjukkan wujud hubungan signifikan antara pensyarah dengan pelajar, dan HPGK. Faktor Bertimbang rasa (pensyarah mestilah bertimbang rasa dengan menunjukkan simpati di atas kelemahan pelajar) merupakan penganggar paling berpengaruh terhadap HPGK. Hasil kajian yang diperoleh ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Topping (2014) yang menyatakan bahawa pensyarah perlu ada sifat bertimbang rasa di atas kegagalan pelajar, tetapi tidak sehingga mengabaikan integriti dan keprofesionalan kerja mereka. Akhir sekali, keputusan Hipotesis 6 menunjukkan bahawa wujud hubungan signifikan antara pensyarah dengan pelajar. Faktor Mengancam (tidak mengancam untuk mendenda pelajar) pula merupakan penganggar paling berpengaruh terhadap HPGK dalam model ini. Wetzel (2017) berpendapat bahawa pensyarah yang suka menggertak atau menakutkan pelajar (walaupun berniat baik) akan memberi implikasi negatif terhadap pelajar. Ada kemungkinan mereka akan gagal dan berputus asa untuk belajar.

7. Rumusan dan Penutup

Daripada kajian ini beberapa rumusan terhadap pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan dapat dilihat dari aspek personaliti, perlakuan pengajaran, hubungan, dan sikap pensyarah terhadap pelajar. Misalnya, pengajaran pensyarah akan menjadi lebih berkesan di samping dapat menarik perhatian pelajar jika sentiasa cergas, ceria dan mempunyai suara yang jelas. Pensyarah juga perlu tegas dengan pelajar, tetapi bukan garang. Cara ketrampilan pensyarah pula hendaklah kemas dan sesuai dengan personaliti seorang pengajar (Buckles dan McMahan, 2011). Selain itu, pensyarah juga tidak seharusnya membezakan pelajar dalam kuliah. Pensyarah mestilah bersikap adil dan bertimbang rasa terhadap setiap pelajar dalam setiap perkara. Pensyarah seharusnya jangan suka menyindir, memperkecilkan kebolehan, sentiasa mencari kesalahan, dan suka meleter pelajar kerana ini akan membuatkan mereka bosan dan membenci pensyarah. Pensyarah juga perlu menyediakan pelbagai peluang untuk mengembangkan potensi bagi memenuhi keperluan yang berbeza dari aspek minat pelajar. Dengan kata lain, pensyarah perlu mempelbagaikan usaha pengajaran bagi menarik minat pelajar (Getzels dan Jackson, 2013). Selain itu, pensyarah perlu menjalinkan hubungan yang baik dengan pelajar. Perhubungan ini boleh mewujudkan persefahaman, kemesraan, dan perkembangan sahsiah yang sihat di kalangan pelajar. Justeru, pengajaran dan pembelajaran akan berjalan lancar dan menyeronokkan.

Akhir sekali, penyelidik menyarankan kajian mengenai persepsi pelajar terhadap ciri-ciri pengajaran pensyarah Ekonomi yang berkesan dan faktor-faktor yang berkaitan hendaklah lebih komprehensif, iaitu melibatkan persampelan dan skop yang lebih besar. Begitu juga penyelidik mencadangkan agar kajian perbandingan dijalankan antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang wujud untuk menentukan generalisasi hasil kajian yang lebih meluas. Walaupun kajian ini mendapati HPGK sebagai penentu keberkesanan pengajaran pensyarah Ekonomi, namun pengukurannya masih lagi boleh diperbaiki. Oleh itu, dicadangkan dalam kajian lain, motivasi dan kesungguhan, disokong dengan kemampuan semulajadi pelajar dijalankan bagi mengukur keberkesanan pengajaran pensyarah. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan bagi

memperbaiki dan mempertingkatkan mutu sistem pengajaran dan pembelajaran, bukan sahaja di peringkat universiti, malah di sekolah.

8. Rujukan

- Anderson G., Benjamin, D. & Fuss, M. (2014). The Determinants of Success in University Introductory Economic Courses. *The Journal of Economic Education*. 25: 99-120.
- Borg, M. & Shapiro, S. (2016). Personality Type and Student Performance in Principles of Economics. *The Journal of Economic Education*. 27: 3-25.
- Browne, N. M., Hoag, J., Wheeler, M. V. & Boudreau, N. (2011). The Impact of Teachers in Economic Classrooms. *The Journal of Economics*. XVII: 25-30.
- Buckles, S. G. & McMahon, M. E. (2011). Further Evidence on the Value of Lecture in Elementary Economics. *The Journal of Economic Education* 2 (2): 138-141.
- Durden, G. C. & Ellis, L. V. (2015). The Effects of Attendance on Student Learning in Principles of Economics. *The American Economic Review Papers and Proceedings*. 85 (2): 343-346.
- George, J. M. (2015). *Psychology for Effective Teaching*. Third Edition. New York: Holt and Rinehart Incorporation.
- Getzels, J. W. & Jackson, P. W. (2013). The Teachers' Personality and Their Characteristics. In *Handbook of Research and Teaching*. Chicago: Rand McNolly.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate data analysis*, 7th ed. Prentice Hall, Upper Saddle River, NJ.
- Martin, M. A. (2009). Course Prerequisites and Undergraduate Student Performance in Agricultural Economics. *NACTA Journal* 33: 38-42.
- McNergney, R. & Caldwell, M. (2013). *Guide to Classroom Teaching*. Boston: Allyn and Bacon.
- Medley, D. M. (2012). *Teacher Effectiveness*. Encyclopedia of Educational Research. Fifth Edition. New York: The Free Press.
- Robiah Sidin & Hassan Langgulung. (2000). *Ke Arah Pembentukan Guru-Guru yang Kreatif*. Jabatan Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Romer, D. (2013). Do Students Go to Class? Should They? *The Journal of Economic Perspectives*. 7 (2): 167-174.
- Seigfried, J. J. & Fels, R. (2009). Research on Teaching College Economics: A Survey. *The Journal of Economic Literature*. 17 (3): 923-969.
- Tay, R. (2014). Student's Performance in Economics: Does the Norm Hold Across Cultural and Institutional Setting? *The Journal of Economic Education*. 25: 291-302.
- Topping, E. (2014). The Effects of Absences on Performance in Principles of Macroeconomics. *Missouri Academy of Science Annual Meeting*. Missouri: Cape Girardeau.
- Wetzel, J. N. (2017). Measuring Student Scholastic Effort: An Economic Theory of Learning Approach. *The Journal of Economic Education*. 9: 34-40.